

07 JUN 1999

PELANTIKAN PENERUSI SURUHANJAYA PILIHAN RAYA HAK KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini pelantikan penerusi Suruhanjaya Pilihanraya yang baru bukanlah hak pembangkang.

"Kita telah melantik penerusi Suruhanjaya Pilihanraya selama ini, walaupun beberapa penerusi SPR, kita dapati tidak begitu memihak kepada kita.

"Walaupun kita membuat aduan berkaitan pelantikan beberapa orang yang bertanggungjawab bagi mendaftar pemilih, sebagai contoh, suruhanjaya tidak membantu kita dalam perkara itu, jadi kita mendapati banyak orang mendaftar di kawasan bukan tempat tinggal mereka," katanya pada sidang berita selepas merasmikan perhimpunan tahunan ke-46 Parti Progresif Penduduk (PPP) di sini.

Penerusi Suruhanjaya Pilihanraya Datuk Harun Din dijadualkan bersara pada 21 Jun ini. Pemimpin pembangkang Lim Kit Siang telah meminta kerajaan untuk berunding dengan pembangkang sebelum pelantikan penerusi Suruhanjaya Pilihanraya yang baru dibuat.

Dr Mahathir berkata: "Kita tidak dapat membuat aduan kerana apabila kita membuat aduan, mereka akan membuat siasatan biasa dan mereka menyatakan semuanya betul.

"Saya tidak menuduh sesiapa melakukan perkara ini, tetapi beberapa orang yang dilantik oleh mereka (SPR) untuk mendaftarkan pemilih, jelas nampak berat sebelah," katanya.

-- BERNAMA

GM RI